

SIARAN MEDIA

20 November 2012

EKUINAS WUJUD SALAH SEBUAH KUMPULAN OSV TERBESAR DI MALAYSIA MELALUI GABUNGAN STRATEGIK TANJUNG KAPAL SERVICES DAN OMNI PETROMARITIME

Fakta Utama: -

- Ekuinas mengumumkan penggabungan strategik kedua-dua buah syarikat kapal sokongan luar pesisir (OSV) di bawah portfolionya, Tanjung Kapal Services Sdn Bhd (TKS) dan OMNI Petromaritime Sdn Bhd (OMNI) untuk mewujudkan salah sebuah kumpulan OSV terbesar di Malaysia dengan 28 buah kapal dan jumlah perolehan terkumpul melebihi RM245 juta.
- Melalui penggabungan ini, kedua syarikat tersebut akan menjadi subsidiari milik penuh syarikat kumpulan pelaburan OSV, Icon Offshore Berhad (Icon Offshore) di mana Ekuinas mempunyai pegangan 88.1% kepentingan ekuiti efektif dengan nilai jumlah pelaburan RM484.1 juta.
- Dengan peluang industri yang cerah hasil daripada jangkaan peningkatan aktiviti carigali dan pengeluaran (E&P) minyak dan gas domestik dan serantau, Ekuinas berharap untuk mengembangkan Icon Offshore secara agresif menerusi pelaburan kapal tambahan dan memperluaskan perniagaan di peringkat antarabangsa. Ekuinas menjangka Kumpulan ini akan sedia untuk disenaraikan menjelang tahun 2014.
- Usaha penggabungan TKS and OMNI turut mengesahkan keberkesanan model kerja ekuiti persendirian Ekuinas sebagai salah satu daripada strategi inovatif kerajaan di bawah Model Baru Ekonomi dalam meningkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera melalui penubuhan syarikat-syarikat terkemuka generasi baru di Malaysia.

KUALA LUMPUR, 20 November 2012: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, hari ini mengumumkan penggabungan strategik kedua-dua buah syarikat kapal sokongan luar pesisir (OSV) di bawah portfolionya, Tanjung Kapal Services Sdn Bhd (TKS) dan OMNI Petromaritime Sdn Bhd (OMNI), untuk mewujudkan salah sebuah syarikat OSV terbesar di Malaysia.

TKS, yang dahulunya merupakan anak syarikat OSV milik Tanjung Offshore Berhad (TOB), diperoleh secara majoriti oleh Ekuinas melalui Kota Bayu Ekuiti Berhad (KBE) pada bulan Julai 2012 apabila Ekuinas membantu proses penstrukturan komprehensif semula TOB menerusi pemisahan (*de-merger*) perniagaan perkhidmatan marin TOB yang beroperasi di bawah TKS daripada perniagaan perkhidmatan bukan-marinnya. Seterusnya pada bulan September 2012,

Ekuinas telah menyempurnakan pelaburan berjumlah RM220.9 juta di dalam OMNI, sebuah lagi syarikat penyedia perkhidmatan OSV yang sedang pesat berkembang di Malaysia.

Dalam satu majlis yang diadakan di Kuala Lumpur hari ini, Ekuinas mengumumkan penggabungan strategik kedua-dua syarikat tersebut yang akan dijadikan anak syarikat milik penuh KBE, yang kini dinamakan semula sebagai Icon Offshore Berhad (Icon Offshore). Selaras dengan pelaksanaan proses penstrukturan tersebut dan suntikan modal tambahan bagi pembiayaan pelan pengembangan masa hadapan, Ekuinas secara efektifnya telah membuat satu pelaburan bersepadu berjumlah RM484.1 juta untuk 88.1% kepentingan di dalam Icon Offshore. Ekuiti selebihnya di dalam Icon Offshore akan dimiliki oleh pihak pengurusan serta pemegang saham TOB, yang telah memilih untuk menyertai dan memiliki ekuiti di dalam KBE/Icon Offshore menerusi proses Jualan bagi Tawaran Terhad untuk memperoleh Saham Keutamaan Boleh Ubah Boleh Tebus (RCPS) syarikat KBE/Icon Offshore yang telah disempurnakan pada bulan September 2012.

YB Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, yang merasmikan upacara pengumuman penggabungan dan pelancaran syarikat Icon Offshore pada pagi ini berkata, “Usaha penggabungan TKS dan OMNI menunjukkan keberkesanan model kerja ekuiti persendirian Ekuinas sebagai salah satu daripada strategi inovatif kerajaan di bawah Model Baru Ekonomi dalam meningkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera melalui penubuhan syarikat-syarikat terkemuka generasi baru di Malaysia.”

“Kerajaan amat berpuas hati melihat dua syarikat milik Bumiputera bersatu di dalam satu industri kompetitif untuk mewujudkan salah sebuah syarikat OSV terbesar di Malaysia yang berupaya untuk bersaing secara efektif, bukan sahaja di dalam Malaysia tetapi juga di peringkat serantau”, Tan Sri Nor seterusnya menambah.

Dengan 28 buah kapal di bawah portfolionya, Icon Offshore akan menjadi salah sebuah syarikat OSV terbesar di dalam negara dengan penguasaan pasaran 13% untuk segmen Kapal Tunda Kendalian Sauh dan Bekalan (AHT/S). Dengan penguasaan pasaran global sebanyak 62% dan 41% untuk pasaran domestik, AHT/S mewakili segmen terbesar dari segi saiz bilangan kapal keseluruhan industri OSV.

Mengulas tentang penggabungan tersebut, Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Kami teruja dengan penubuhan Icon Offshore dan potensinya untuk menjadi peneraju pasaran industri OSV serantau pada masa hadapan, terutamanya memandangkan peluang akan bertambah hasil daripada jangkaan peningkatan aktiviti carigali dan pengeluaran (E&P) minyak dan gas (O&G) di Malaysia dan serantau. Industri OSV di Malaysia dan serantau kini amat kompetitif dan dibanjiri dengan syarikat-syarikat kecil, dan maklum balas industri yang diterima menunjukkan bahawa penggabungan seperti ini sangatlah dialu-alukan. Justeru itu, kami optimistik inisiatif penggabungan ini akan mendorong kepada prestasi kapal yang lebih baik, mutu perkhidmatan yang meningkat dan, seterusnya, permintaan yang lebih tinggi untuk kapal OSV."

Menurut para penganalisis O&G, industri OSV tempatan dijangka berkembang dengan pesatnya dalam masa terdekat ini, lanjutan daripada pengumuman rancangan perbelanjaan modal berskala besar untuk aktiviti E&P tempatan berjumlah RM300 bilion bagi tempoh lima tahun akan datang. Walau bagaimanapun, industri OSV tempatan masih dibanjiri syarikat-syarikat bersaiz kecil dengan anggaran 70% daripadanya terdiri daripada syarikat yang memiliki kurang daripada 10 buah kapal.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Dato' Abdul Rahman Ahmad menerangkan, "Selepas bergabung, Icon Offshore akan mempunyai nilai aset melebihi RM1.2 bilion, jumlah perolehan terkumpul melebihi RM245 juta serta mempunyai rekod keuntungan kukuh. Kami berharap platform ini akan membantu kami untuk mengembangkan perniagaan Icon Offshore secara agresif menerusi pelaburan kapal tambahan dan memperluaskan perniagaan di peringkat antarabangsa. Kami yakin bahawa Icon Offshore akan bersedia untuk disenaraikan menjelang tahun 2014 dan berpotensi menjadi sebuah syarikat OSV rantauan terkemuka, sejajar dengan mandat kami untuk mewujudkan syarikat-syarikat peneraju pasaran di masa hadapan."

Icon Offshore mempunyai lebih daripada 100 tahun pengalaman pengurusan di dalam industri ini, dengan kumpulan pengurusan yang kukuh, diterajui oleh Dr. Jamal Yusof, pengasas dan Pengarah Urusan OMNI yang kini memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif, Icon Offshore, bersama-sama Kapten Hassan Ali, Ketua Pegawai Eksekutif TKS, yang dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Icon Offshore. Di bawah usaha penggabungan ini, kumpulan

Pengurusan akan kekal memiliki ekuiti bermakna di dalam syarikat tersebut dan berpeluang untuk meningkatkan kepentingan ekuiti menerusi pelan insentif ekuiti pengurusan berdasarkan prestasi yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat.

Ekuinas telah melaksanakan pelaburan ke-empatnya untuk tahun 2012 dengan pemerolehan OMNI pada bulan September. Selepas pelancaran Dana Tranche II, Ekuinas kini memiliki 12 syarikat di bawah portfolio pelaburan langsung dan tiga pelaburan di bawah program penyumberan luarnya dengan pelaburan komited berjumlah RM1.6 bilion. Bersama dengan modal swasta dari rakan pelabur, Ekuinas telah berjaya membantu kemasukan modal ekonomi melebihi RM2.1 bilion ke dalam ekonomi Malaysia sejak penubuhannya.

###

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Dengan bermodalkan dana peruntukan kerajaan bernilai RM5 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat menubuhkan syarikat-syarikat terkemuka generasi baru Malaysia di samping menggalakkan penglibatan golongan Bumiputera dalam bidang ekonomi secara saksama, berkesan dan berkekalan.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Adli Abdul Karim, Weber Shandwick, AAbdulKarim@webershandwick.com (03) 6209 5222

Anis Azharuddin, Weber Shandwick, AAzharuddin@webershandwick.com (03) 6209 5217